



Ruj. Kami : ANM(A)NS.078 Jld.18 (1)
Tarikh : 4 September 2019

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN**

Tuan/Puan,

**PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN BULANAN DAN INTERIM
BAGI BULAN SEPTEMBER 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi tujuan Penutupan Bulanan dan interim bagi bulan **September 2019**, JANM Negeri Sembilan hendaklah memastikan semua proses bayaran, terimaan, panjar dan transaksi perakaunan di peringkat PTJ diselesaikan sebelum **30 September 2019**.

3. Sehubungan itu, berikut adalah ringkasan perkara-perkara penting untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya:

A. ARAHAN PEMBAYARAN

- i. Sila pastikan Dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **Perakuan 2** selewat-lewatnya jam **12:00 tengah hari** pada **30 September 2019**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula **1 Oktober 2019**;
- ii. PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam **Arahan Perbendaharaan 103(a)**.

B. TERIMAAN/ HASIL

- i. Sila pastikan semua **Penyata Pemungut bagi kutipan** sehingga jam **2:00 petang 30 September 2019** diselesaikan **Perakuan 2** dan **dibankkan** pada hari yang sama;
- ii. Dan semua **Penyata Pemungut bagi kutipan** selepas jam **2:00 petang 30 September 2019** diselesaikan **Perakuan 2** pada hari yang sama dan **dibankkan** pada **01 Oktober 2019**.

C. PANJAR WANG RUNCIT & PANJAR KHAS

- i. Tindakan Arahan Bayaran **Peraku 1** bagi arahan pembayaran panjar oleh PTJ adalah selewat-lewatnya pada **19 September 2019**;

- ii. Proses **Semak AO** oleh Pejabat Perakaunan (AO) adalah pada **20 September 2019** (Mohon PTJ maklumkan no dokumen dan no PTJ kepada pihak AG untuk semakan segera);
- iii. Tindakan Arahan Bayaran **Peraku 2** bagi baucar bayaran oleh PTJ adalah selewat-lewatnya pada **23 September 2019 Jam 4.30 petang**;
- iv. Pungutan wang panjar di bank dan proses penerimaan rekupmen(C5) di Modul Panjar perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada **26 September 2019.**;
- v. Kod **GL Panjar** adalah **A2911101** dan Kod **Dana G000** perlu digunapakai semasa penyediaan Penerimaan rekupmen(C5);
- vi. Selepas proses Lulus(C5) selesai mohon PTJ semak di Modul Panjar - Laporan * Buku Wang Runcit. **Pastikan Baki Di Tangan Buku Wang Runcit pada 26 September 2019 adalah Sama Dengan Apungan Yang Diluluskan**;
- vii. Menjana dan menyemak **Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai** di Portal iGFMAS. Sekiranya terdapat dokumen tersenarai dalam laporan tersebut, PTJ **perlu menyempurnakan dokumen panjar** sehingga **status 80** atau **hapus sebelum/pada 4:30 petang 26 September 2019**;
- viii. PTJ dikehendaki untuk menjana dan mencetak **4 salinan Sijil Perakuan Panjar** di Portal iGFMAS dan kemukakan dokumen yang lengkap kepada JANM Negeri Sembilan **sebelum/ pada 04 Oktober 2019.**
 - **Tarikh Laporan** : 30.09.2019
 - **Pilih** : Wang Tunai
 - **Wang Tunai Ditangan** : Kunci Masuk Jumlah Tunai ditangan/ pada PTJ
 - **Perakuan** : *Isikan nama Pegawai
PIC : Pengurus Panjar
Ketua Jabatan/ Pegawai yg diberikuasa

D. TRANSAKSI PERAKAUNAN

- i. Memastikan Akaun Penyelesaian berikut dikosongkan dan dilaraskan ke kod akaun yang sebenar (sekiranya digunakan):
 - a. **A2991104 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan** (Pelarasan melalui Jurnal **KJ Biasa Pelarasan** ke kod akaun **L1111107**);

b. **A2991108 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Lain-Lain Deposit** (Mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan kepada AO untuk dibuat pelarasan melalui sistem SAP GUI);

c. **L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun** (pastikan caruman KWSP dan Perkeso dibuat bayaran segera sekiranya amaun tersebut telah dipotong daripada baucar gaji). PTJ hendaklah menyediakan baucar gaji dahulu dan kemudian menyediakan arahan pembayaran kepada KWSP & Perkeso.

ii. Memastikan **akaun deposit** dipertanggungkan di bawah **dana am (G000)**. PTJ perlu membuat pelarasan sekiranya menggunakan dana selain daripada G000.

iii. Memastikan **hasil am** dipertanggungkan di bawah **dana am (G000)** dan tiada hasil yang berbaki **debit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit.

iv. Memastikan **belanja** tidak dipertanggungkan di bawah **dana am (G000)** dan tiada belanja yang berbaki **kredit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi perbelanjaan yang berbaki kredit.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

Unit Akaun

b.p. : Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan